

# Ibu direman enam hari

Disyaki bunuh anak perempuannya selepas bersalin

■ MUHAMMAD AFHAM RAMLI

Sinar Harian - 2/3/16 (m/s 16)

**KUALA LUMPUR** – Seorang ibu yang dipercayai tergamak mencampak bayi perempuannya yang baru dilahirkan dari tingkat 18 Flat Danau Kota di Setapak, di sini kelmarin, direman enam hari.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintendan Mohamad Roy Suhaimi Sharif berkata, wanita itu direman bermula semalam selepas polis mendapat kebenaran Mahkamah Majistret Jalan Duta.

Menurutnya, wanita berusia 39 tahun itu disiasat di bawah Seksyen 309B Kanun Keseksaan kerana disyaki membunuh anak selepas bersalin.

“Dia kini di Hospital Kuala Lumpur untuk rawatan,” katanya.

Wanita itu seorang ejen hartanah dan berasal dari Negeri Sembilan.

Mohamad Roy berkata, polis sedang berusaha menjejak suami wanita itu.

*Sinar Harian* semalam melaporkan

## Bayi baru lahir dibuang dari tingkat 18

■ AHMAD ISMADI ISMAIL

**KUALA LUMPUR** – Seorang bayi perempuan yang baru dilahirkan ditemui mati di bawah perkarangan sebuah pangsapuri di Danau Kota, di sini, dipercayai dicampak dari tingkat 18, semalam.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju Superintendan, Mohamad Roy Suhaimi Sarif berkata, bayi yang masih bertali pusat itu dipercayai dibuang ibunya selepas dilahirkan jam 3 pagi.



**Laporan Sinar Harian, semalam.**

kan bayi yang masih bertali pusat itu dipercayai dibuang ibunya selepas dilahirkan di dalam tandas rumahnya, kira-kira jam 3 pagi.

an sebelum menemuinya dalam keadaan berdarah namun tiada bayi ditemui,” katanya.

Katanya, suspek tinggal di flat itu sejak November lalu bersama anak perempuannya yang berusia lima tahun dikatakan dalam proses pencerahan namun dilihat sering bertemu seorang lelaki.

“Kita telah memperoleh maklumat berkaitan suami suspek dan sedang mengesannya untuk membantu siasatan,” katanya.

Mohamad Roy berkata, suspek bekerja sebagai ejen hartanah dan berasal dari

Siasatan polis mendapati wanita itu menyewa bilik di pangsapuri tersebut sejak November lalu dan dalam proses pencerahan.